

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

6 kematian seminggu di Selangor

Situasi sepanjang tahun ini masih terkawal

Oleh Hidayat Md Zam
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Selangor merekodkan purata enam kematian akibat CO-

VID-19 setiap minggu sepanjang tahun ini hingga 19 November lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Dr Siti Mariah Mahmud, berkata situasi penularan COVID-19 di Selangor sepanjang tahun ini bagaimanapun masih terkawal.

"Purata kematian akibat COVID-19 di Selangor ialah enam kes seminggu. Sebanyak 11 kematian

dicatat pada Minggu Epidemiologi (ME) 46 (bermula 13 November) yang berakhir 19 November lalu.

"Dari aspek kematian secara keseluruhan, Selangor mencatat sejumlah 10,911 kes atau 0.7 peratus *Case-Fatality-Rate* (CFR) sejak COVID-19 bermula. Tahun ini hingga ME 46 pula, sebanyak 939 kematian direkodkan," katanya pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor, semalam.

1,000 hingga 2,000 kes sehari

Secara purata, beliau berkata, sekitar 1,000 hingga 2,000 kes COVID-19 sehari direkodkan di Selangor mulai ME 35 hingga ME 46.

"Mengikut kategori kes didaftarkan, majoriti atau 95 peratus adalah kes Kategori 2, manakala 4.5 peratus lagi Kategori 3, 4 dan 5.

"Bagaimanapun untuk tahun ini sejak ME 3, kadar CFR menu-

run kepada 0.1 peratus.

"Data berkenaan menunjukkan tahap kawalan bagi penyakit COVID-19 di Selangor kini adalah baik dan memuaskan," katanya.

Dr Siti Mariah berkata, antara faktor menyumbang kepada keadaan semasa itu ialah kadar vaksinasi COVID-19, termasuk dos penggalak yang tinggi, dengan meliputi lebih 90 peratus penduduk Selangor.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 13

RUANGAN : LOKAL

BUKAN PEROKOK HIDAP KANSER PARU-PARU

Jumlah kian meningkat

Bernama

Kuala Lumpur

Apa yang menimpa Suzana Othman, seorang ibu berusia 53 tahun mungkin juga dialami ramai individu khususnya wanita.

Pada 2019, Suzana mula menghidap batuk berterusan dan keadaan itu amat menyiksa kehidupannya. Apabila bercakap, dia akan batuk dan ini mengganggu pertuturannya. Acap kali dia berhenti bercakap untuk mengambil nafas.

Agak pelik apabila memikirkkan apakah punca batuk yang begitu teruk memandangkan dia bukan seorang perokok.

Ada yang berfikir mungkin bau cat baharu di dinding rumah Suzana mengganggu paru-parunya atau adakah dia menghidap pneumonia? Walau apa pun tanggapan, Suzana berasa sungguh terkejut dan berdoa penyakit batuknya berhenti segera.

"Dalam mulut ibu mesti ada strepsil," ujar anaknya, Syahzanani Salim, 25.

Suzana masih tidak menganggap perkara buruk tentang batuknya sehingga dia melihat kahak berwarna coklat bercampur darah.

Apabila batuk menjadi lebih teruk dan dia kehilangan berat badan yang banyak, Suzana berjumpa doktor dan menjalani banyak ujian termasuk melakukan x-ray.

Pada Januari 2021, Suzana disahkan menghidap kanser paru-paru. Sudah tentu dia terperanjat apabila dimaklumkan menghidap kanser.

Meskipun suami Suzana seorang perokok sepanjang tempoh 27 tahun perkahwinan mereka, bagaimana Suzana yang tidak merokok seumur hidupnya boleh diserang kanser paru-paru?

Sememangnya soalan-begini membuatkan doktor yang mengendalikan pesakit kanser paru-paru sukar untuk menjawabnya.

Menghisap rokok penyumbang utama kanser paru-paru dan penyakit ini paling biasa dalam ka-

langan lelaki Malaysia dan dilaporkan sekitar 41 peratus lelaki Malaysia merokok. Namun merokok bukan sahaja punca utama kanser paru-paru.

Faktor risiko persekitaran seperti perokok pasif, terdedah radon (gas radioaktif) dan pencemaran udara diketahui punca kanser dalam kalangan bukan perokok atau tak pernah merokok.

"Secara tradisinya, kanser paru-paru penyakit yang selalu menyerang lelaki. Sewaktu saya di sekolah perubatan, kami selalu menyamakan kanser paru-paru dengan lelaki dan perokok," kata presiden Jaringan Kanser Paru-Paru Malaysia (LCNM), Dr Anand Sachithanandan.

"Sekarang, penyakit ini meningkat dalam kalangan bukan perokok. Memang mencemaskan. Bukan saja di Malaysia, tetapi di seluruh dunia. Ramai bingung memikirkan keadaan ini," katanya.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyenaraikan pencemaran udara sebagai satu lagi punca kanser paru-paru pada 2013.

Di Amerika Syarikat, pencemaran udara di Amerika Syarikat dilaporkan penyebab sekitar satu hingga dua peratus kes kanser paru-paru.

Pada September 2022, penyelidik mendapati pencemaran udara menyebabkan kanser paru-paru dengan menyebabkan mutasi dalam gen yang dikaitkan dengan kanser paru-paru dipanggil EGFR (didapati dalam separuh bilangan pesakit kanser paru-paru dalam kalangan bukan perokok) dan KRAS.

Menurut US Centers for Disease Control, untuk bukan perokok, kes kanser paru-paru antara

hingga 20 peratus daripada jumlah pesakit kanser paru-paru pada 2021 berbanding lapan peratus pada 2017.

Bagaimanapun, tiada angka tertentu pesakit kanser paru-paru akibat merokok di Malaysia.

Dr Anand menganggarkan, hampir satu pertiga pesakit kanser di negara ini tidak pernah merokok sambil berkongsi bukti anekdot.

Berdasarkan perangkaan hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2019, di Malaysia, didapati kanser paru-paru adalah kanser nombor lima paling biasa dalam kalangan wanita di negara ini meskipun hanya 1.1 peratus wanita merokok.

Kajian Malaysia, Malaysian Study on Cancer Survival 2018, kes kanser paru-paru yang membabitkan wanita sebanyak 2,478 meskipun kadar penggunaan tembakau dalam kalangan mereka kecil.

Jumlah berkenaan adalah separuh daripada jumlah pesakit kanser paru-paru lelaki iaitu 5,543.

Kajian berkenaan juga mendapati wanita bukan perokok yang kemudiannya menghidap kanser paru-paru adalah lebih muda usianya.

Perunding Pakar Onkologi Klinikal Hospital Kuala Lumpur, Dr Vaishnavi Jeyasingam memberitahu, asap rokok terpakai mungkin penyebab kes kanser paru-paru berkenaan, tetapi tidak dapat dipastikan.

Berbanding di Amerika Syarikat, Malaysia tidak ada kajian yang dapat menunjukkan secara tepat apakah faktor persekitaran paling mempunyai kesan yang memudaratkan terhadap bukan perokok.

“
Memang mencemaskan. Bukan saja di Malaysia, tetapi seluruh dunia
Dr Anand



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : NEGERI

Selangor tawar subsidi rawatan psikiatri

700 slot rawatan ditawarkan dengan peruntukan berjumlah RM222,600

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
SHAH ALAM

Selangor merupakan negeri pertama memperkenalkan fungsi kesihatan mental digital yang diintegrasikan dalam aplikasi teknologi kesihatan, Selangkah yang dilancarkan pada tahun lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, selepas dilancarkan lebih 60,000 rakyat di negeri berkenaan menjalani saringan awal kesihatan mental.

Selain itu, menurut Siti Mariah, khidmat talian sokongan psikososial menerusi Selangor Mental Sihat (Sehat) dalam aplikasi Selangkah pula memberikan manfaat kepada 312 pemanggil terdiri daripada rakyat Selangor dan dari luar negeri itu.

"Oleh itu bagi meringankan bebanan rakyat, kerajaan negeri pada tahun ini menambah nilai program Sehat dengan menawarkan Insentif Subsidi Rawatan Psikiatri bagi rakyat Selangor yang memerlukan intervensi lanjut daripada pakar



Siti Mariah (tiga dari kiri) memaklumkan kerajaan negeri Selangor menambah nilai program Sehat dengan menawarkan Insentif Subsidi Rawatan Psikiatri bagi rakyat Selangor pada Rabu.

psikiatri.

"Melalui kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), pakar-pakar psikiatri Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA) dan klinik SELCARE, kerajaan negeri menawarkan sebanyak 700 slot rawatan disubsidi dengan peruntukan berjumlah RM222,600.

"Kerajaan negeri akan menanggung kos saringan, caj konsultasi bersama pakar psikiatri, rawatan psikoterapi asas dan rawatan ubat-ubatan bagi dua minggu pertama," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Dalam pada itu, Siti Mariah berkata, rakyat Selangor yang ingin mendapatkan insentif subsidi kesihatan mental perlu melengkapkan

saringan awal di aplikasi Selangkah terlebih dahulu.

"Berdasarkan kelayakan ujian saringan awal, pemohon boleh menetapkan pilihan klinik Selcare di aplikasi Selangkah bagi menjalani saringan kedua dan pemohon layak akan dirujuk kepada pakar psikiatri bagi menjalani intervensi lanjut," katanya.

Tambahnya, kerajaan negeri berharap agar insentif subsidi rawatan psikiatri itu dapat melengkapkan usaha kerajaan persekutuan dalam menangani masalah kesihatan mental, mengurangkan beban klinik psikiatri di hospital kerajaan serta memberikan akses alternatif lebih cepat kepada rakyat Selangor memerlukan intervensi terutama golongan B40.

Covid-19: Selangor catat enam kes kematian seminggu

SHAH ALAM - Selangor mencatatkan purata enam kes kematian seminggu akibat Covid-19 sejak penularan wabak itu dua tahun lalu.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, sebanyak 11 kematian dicatatkan pada minggu epidid 46 yang berakhir 19 November lalu.

Menurut beliau, dari aspek kadar kematian kes (CFR) di Selangor secara keseluruhan pula mencatatkan sebanyak 10,911 kes atau 0.7 peratus.

"Bagaimanapun untuk tahun ini bermula minggu epidid ke-3, kadar CFR ini telah menurun ke angka 0.1 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab pertanyaan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungip yang bertanya tentang tahap kawalan terhadap penularan Covid-19 semasa sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Rabu.

Siti Mariah berkata, secara umumnya, situasi Covid-19 di negeri ini sepanjang tahun ini adalah terkawal.

Ujar beliau, secara purata kes Covid-19 yang didaftarkan di Selangor adalah sekitar 1,000 hingga 2,000 kes sehari bermula minggu epidid 35 sehingga minggu epidid 46.

"Mengikut kategori kes yang didaftarkan, majoriti 95 peratus adalah kes kategori 2 manakala 4.5 peratus lagi adalah dari kategori 3, 4 dan 5," kata beliau.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 27

RUANGAN : NEGERI

Masalah mental, kemurungan meningkat

Kelantan catat prevalen kemurungan 1.2 peratus pada 2019

Oleh ASWANY OMAR
KOTA BHARU

Masalah mental dan kemurungan di negeri ini meningkat terutama melibatkan kes bunuh diri.

Exco Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri, Dr Izani Husin berkata, laporan Tinjauan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019 mendapati prevalen gejala kemurungan dalam kalangan masyarakat dewasa Malaysia

meningkat dari 1.8 peratus pada 2011 kepada 2.3 peratus pada 2019.

"Di Kelantan pula, dalam kajian yang sama pada 2019 menunjukkan prevalen kemurungan ialah 1.2 peratus.

"Kementerian Kesihatan Malay-

sia (KKM) juga mengambil maklum bahawa bunuh diri antara 10 penyebab utama kematian di dunia dan pelaporan nyebab keempat kematian bagi mereka yang berumur 15 hingga 29 tahun.

"Tingkah laku bunuh diri meliputi idea bunuh diri (*sui-*



DR IZANI

cidal ideation), rancangan bunuh diri (*suicidal plan*), cubaan bunuh diri (*suicide attempt*) dan kematian akibat tindakan bunuh diri," katanya ketika menjawab soalan Rohani Ibrahim (Pas - Tanjong Mas) ketika Persida-

ngan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan di sini pada Rabu.

Dr Izani berkata, tingkah laku bunuh diri dalam kalangan remaja berumur antara 13 dan 17 tahun menunjukkan peningkatan trend iaitu prevalen idea bunuh diri adalah 10 peratus pada 2017 berbanding 7.9 peratus pada

2012.

Tambahnya, sumber data Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan peningkatan ketara kejadian kematian akibat bunuh diri iaitu sebanyak 81 peratus pada 2021 (1,142 kes) berbanding 2020 (631 kes).

"Bagi 2022 pula, sejumlah 467 kes bunuh diri telah dilaporkan PDRM," katanya.

Menjawab soalan tambahan Mohd Syahbuddin Hashim (BN-Galas), Dr Izani berkata, saringan kesihatan mental dilaksanakan sepanjang tahun bagi mengenal pasti individu yang menghadapi depresi.

"Masalah ini akan terus dirujuk untuk rawatan kaunseling selain menyediakan talian perkhidmatan psikiatri," ujarnya.

SIDANG DUN
KELANTAN

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Increasing cases of lung cancer among non-smokers

► Tobacco products not sole contributor as pollution, radon exposure and passive inhalation also present risks

PETALING JAYA: Although cigarette smoking is acknowledged as the biggest contributor to affliction of lung cancer, it is not the only cause of the disease. Environmental risk factors such as passive smoking, radon exposure and air pollution are known to cause cancer among casual or non-smokers.

"Traditionally, it has always been a man's disease. When I was in medical school, we equated lung cancer with men and smokers," said Malaysian Lung Cancer Network president Dr Anand Sachithanandan.

"Now, we are starting to see high incidence of lung cancer among non-smokers. It is very alarming. Not just in Malaysia, but across the world and everybody is quite perplexed."

The US Centre for Disease Control found non-smokers comprised between 10% to 20% of lung cancer cases in 2021, up from 8% in 2017.

There are no specific figures on lung cancer cases based on tobacco product consumption

in Malaysia.

Anand estimated that almost a third of all lung cancer patients here have never smoked, citing anecdotal evidence.

Available figures in Malaysia found that lung cancer is the fifth most common cancer among women although only 1.1% of women smoke, according to the 2019 National Health and Morbidity Survey, Bernama reported.

In the 2018 Malaysian Study on Cancer Survival, lung cancer cases occurring in women, at 2,478, were almost half the number recorded in men, at 5,543, despite the former's low rates of tobacco product consumption.

Non-smoking women who developed lung cancer also tend to be younger.

Kuala Lumpur Hospital consultant clinical oncologist Dr Vaishnavi Jeyasingam said second-hand cigarette smoke was likely the cause, but there was no way to tell for certain.

Unlike the US, Malaysia does not have studies that pinpoint which environmental factor has the most detrimental effect on non-smokers.

Vaishnavi said early screening is unlikely to work well as it is difficult to target who needs it as it requires access to CT scans, and the process can return false positive results.

"Unfortunately in our country, we still see a majority of patients being diagnosed at Stage 4 because that is the stage they usually

become symptomatic, or they have cough or weight loss."

She said if someone came in with early stage lung cancer, it is usually because doctors had detected it by accident or because they had undergone full-body screening through their workplace programmes.

If a non-smoker lives with a heavy smoker, it is even harder to detect the cancer early.

Current guidelines recommend screening for lung cancer if the person is or was a heavy smoker, above 40 years old and has a family history of lung cancer.

However, this should not stop anyone from requesting a lung cancer screening or a full body check-up, and individuals are encouraged to be more proactive in taking care of their health.

If cost was an issue, many medical NGOs and organisations provide free or affordable screening programmes for the public.

Aside from screening, the arguably best option is prevention. It may be the best "cure" but convincing Malaysians not to light up has been an uphill battle.

"Being in the field of oncology, we really do see the effects of tobacco product consumption. It's not only cancers, but also heart problems and strokes. Our healthcare system is spending so much treating all these preventable conditions," said Vaishnavi.